



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

KP/KPPM/6 Jld. 2 (22)

24 Ogos 2016

Semua Ketua Bahagian Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/ Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2016:

PANDUAN KESELAMATAN SEMASA PENGAJARAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN SERTA KEGIATAN KOKURIKULUM DAN SUKAN DI DALAM DAN DI LUAR KAWASAN SEKOLAH

TUJUAN

1. Surat Pekeling Ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan panduan keselamatan yang perlu dipatuhi semasa pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta kegiatan kokurikulum dan sukan di dalam dan di luar kawasan sekolah.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius insiden yang melibatkan kebijakan dan keselamatan guru dan murid semasa di sekolah mahupun ketika mengikuti aktiviti pendidikan di luar. Semua pihak yang terlibat perlu mengambil berat dan memberi perhatian untuk mengelak atau mengawal sebarang kemungkinan berlakunya kemalangan dalam kalangan murid atau guru ketika menjalani aktiviti di dalam dan di luar kawasan sekolah, sama ada aktiviti pendidikan jasmani dan kesihatan serta kegiatan kokurikulum atau sukan.

3. Sehubungan dengan itu, peringatan ini dikeluarkan dengan tujuan menyediakan maklumat tambahan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000 bertarikh 30 Mac 2000, yang wajar diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti berkaitan.

PELAKSANAAN

4. Surat pekeliling ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000 bertarikh 30 Mac 2000. Berikut adalah maklumat tambahan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000 tersebut:

4.1 Tafsiran

4.1.1 Peralatan Sukan

Peralatan sukan dalam konteks ini termasuklah semua peralatan yang digunakan dalam aktiviti Pendidikan Jasmani, aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan aktiviti Pendidikan Khas.

4.1.2 Aktiviti Sukan

Segala aktiviti Pendidikan Jasmani, aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan aktiviti Pendidikan Khas.

4.1.3 Kawasan Sukan/Permainan

Melibuti kawasan atau lokasi serta kemudahan sedia ada bagi pelaksanaan aktiviti Pendidikan Jasmani, aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan aktiviti Pendidikan Khas termasuk Pusat Kokurikulum dan Pusat Kecemerlangan Sukan.

4.1.4 Aktiviti Sukan Kemahiran

Kehadiran guru/jurulatih bertauliah dikehendaki sepanjang masa aktiviti dijalankan bagi memantau serta mengawasi semua aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan, dan aktiviti Pendidikan Khas yang berisiko tinggi.

4.2 Skim Perlindungan Diri

Semua jenis pengangkutan darat, air dan udara yang digunakan untuk membawa murid-murid, dikehendaki mematuhi peraturan pengangkutan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

4.3 Peralatan dan Penyenggaraan Peralatan

Semua peralatan hendaklah direkod dan diselenggara mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang sedang berkuatkuasa.

4.4 Pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit bagi aktiviti pendidikan jasmani dan kesihatan serta kegiatan kokurikulum atau sukan adalah seperti berikut:

4.4.1 Penyakit berjangkit adalah penyakit yang boleh disebarluaskan kepada manusia melalui pelbagai cara seperti melalui makanan dan minuman tercemar, udara/titisan air, gigitan vektor (serangga) dan juga berpunca daripada haiwan (zoonosis).

4.4.2 Langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan, dan aktiviti Pendidikan Khas bagi menjaga keselamatan dan kesihatan murid dan guru ketika aktiviti tersebut dijalankan terbahagi kepada tiga (3) fasa, iaitu:

a. Sebelum aktiviti dijalankan

- i. Pihak sekolah/penganjur perlulah mendapatkan maklumat risiko dan nasihat berkaitan penyakit berjangkit di kawasan aktiviti yang akan dijalankan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh aktiviti.
- ii. Guru dan murid yang mempunyai simptom atau gejala penyakit berjangkit seperti demam, cirit-birit, muntah, selsema dan batuk yang telah disahkan oleh pengamal

perubatan tidak dibenarkan untuk mengikuti aktiviti bagi mengelak sebarang penyakit berjangkit.

- iii. Pihak sekolah/penganjur boleh mendapatkan maklumat berkaitan pencegahan penyakit berjangkit melalui laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) www.moh.gov.my, Portal MyHealth www.myhealth.gov.my dan Info Sihat www.infosihat.gov.my.
 - iv. Pihak sekolah/penganjur perlu memastikan pengendali makanan/caterer mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan sedia ada.
 - v. Pihak sekolah/panganjur digalakkan untuk membuat lawatan lapangan awal untuk menilai risiko keselamatan dan kesihatan.
- b. Semasa aktiviti dijalankan
- i. Guru dan tenaga pengajar mestilah menerangkan kepada murid berkaitan langkah-langkah pencegahan bagi penyakit berjangkit seperti leptospirosis, malaria, keracunan makanan dan penyakit berjangkit lain yang berkaitan.
 - ii. Murid perlu mengamalkan dan mematuhi langkah-langkah pencegahan tersebut bagi mengelak penyakit berjangkit.
 - iii. Minum air yang telah dimasak atau air yang telah dibotolkan. Elakkan daripada minum air sungai/kolam yang tidak dimasak.
 - iv. Makan makanan yang selamat (amalkan lihat, hidu dan rasa).

- v. Menjaga kebersihan kawasan persekitaran tempat aktiviti dan tidak membuang sampah/lebihan makanan di merata-rata kerana ia boleh mengundang lalat dan tikus serta vektor pembawa penyakit.
- vi. Guru atau murid mengalami gejala/ tanda-tanda penyakit berjangkit seperti demam, muntah, cirit-birit dan selsema semasa menjalani aktiviti sukan atau kokurikulum perlulah mendapatkan rawatan segera di klinik yang berhampiran. Maklumkan kepada pengamal perubatan mengenai tempat dan aktiviti yang sedang diikuti.
- c. Selepas aktiviti dijalankan
- i. Guru/murid perlu memantau kesihatan diri sendiri selepas aktiviti sukan dan kokurikulum tersebut dalam tempoh sebulan.
- ii. Sekiranya guru atau murid mengalami gejala / tanda-tanda penyakit berjangkit seperti demam, muntah, cirit-birit dan selsema selepas menjalani aktiviti sukan atau kokurikulum perlulah mendapatkan rawatan segera di klinik yang berhampiran. Maklumkan kepada pengamal perubatan mengenai tempat dan aktiviti yang telah diikuti.
5. Aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan, dan aktiviti Pendidikan Khas yang membabitkan air seperti di laut, sungai, air terjun, tasik, kolam atau seumpamanya juga adalah tertakluk kepada Perkara 4.4.2.
6. Pelaksanaan semua aktiviti pendidikan jasmani dan kesihatan serta kegiatan kokurikulum atau sukan mesti mematuhi Prosedur Arahan Standard (SOP) dan peraturan program serta lokasi mengikut bidang masing-masing yang sedia ada.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian-bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pengetua di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YB. Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia